

13 FEB 1998

IAP-Undang-undang

IAP PERLU KETELUSAN BAGI KEJAYAAN MSC

CYBERJAYA, 13 Feb (Bernama) -- Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi Koridor Raya Multimedia (MSC) perlu mengutamakan prinsip kesamarataan, ketelusan, keterbukaan dan fleksibiliti apabila memperkenalkan undang-undang baru.

"Ini untuk menjamin kejayaan MSC," kata Penasihat Kanan Center for Strategic & International Studies yang berpusat di Amerika Syarikat, Diana Lady Dougan.

"Saya beritahu mereka supaya tidak terlalu memberi perhatian kepada perincian apabila memperkenalkan undang-undang baru kerana teknologi berubah dari semasa ke semasa," kata beliau.

Katanya, mesyuarat dua hari IAP, yang berakhir hari ini membincangkan secara terperinci tentang perlunya mempunyai dasar yang menarik pelaburan dan inovasi dan pekerja yang berilmu.

"Kebanyakan kami percaya bahawa para pekerja berilmu tidak semestinya berpendidikan tetapi berinspirasi," kata beliau dalam wawancara dengan Bernama hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan memberi pengecualian bagi "pengimportan" pekerja asing yang berilmu bagi kejayaan MSC.

Setakat ini, 103 syarikat, kebanyakan dari Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun telah menunjukkan komitmen untuk menubuhkan operasi dalam MSC.

Mengenai mesyuarat itu, yang dihadiri oleh 25 daripada 44 wakil daripada pelbagai syarikat antarabangsa dan agensi, Dougan berkata mesyuarat itu menarik kerana ia tidak tertumpu semata-mata kepada kejayaan syarikat yang telah bertapak dalam MSC.

Sebaiknya, mesyuarat mewujudkan kesediaan di kalangan mereka untuk membincangkan masalah, halangan dan cabaran yang dihadapi.

"Dr Mahathir sendiri bertanya banyak soalan. Kami tidak semestinya bersetuju dengan beliau terhadap sesetengah dasar dan isu tetapi kami berpendapat beliau menunjukkan persefahaman dan kesamarataan bahawa kerajaan tidak berupaya melaksanakan semuanya tanpa penyertaan sektor swasta.

"Jelas, Dr Mahathir mahu menjadikan MSC sebagai tapak percubaan bagi masa depan dan tidak untuk memenuhi kehendak teknologi sahaja," kata beliau. -- BERNAMA

RA FAZ